

TEKS UCAPAN
BRIG JEN DATUK PROF DR KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)
SEMPENA
MAJLIS SANTAPAN MALAM REJIMENTAL KE-7
PALAPES UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
BERTEMPAT DI HOTEL GRAND ALORA, ALOR STAR PADA 19 OKTOBER 2014

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Perlis “Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju” dan Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih. Sesungguhnya Segala Pujian Itu Milik Allah (S.W.T) Pemerintah Sarwa Jagat. Selawat Dan Salam Diucapkan Kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad (S.A.W.), Para Sahabat Dan Ahli Keluarga Baginda.

Menghadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Brig. Jen. Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail merangkap Canselor Universiti Malaysia Perlis, Dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah merangkap Pro-Canselor Universiti Malaysia Perlis.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun.

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung setinggi - tinggi kasih yang tidak terhingga, atas limpah perkenan duli yang teramat mulia tuanku berdua bercemar duli berangkat hadir ke majlis santapan malam rejimental PALAPES dan SUKSIS Universiti Malaysia Perlis pada hari ini dalam suasana untuk meraikan pegawai muda yang telah ditauliahkan.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun. Izini Patik Menyampaikan Ucapan Kepada Barisan Tetamu Yang Dimuliakan Dan Para Pegawai Muda Yang Diraikan.

Ampun Tuanku

Salutation

Mejar Jeneral Dato' Suhaimi bin Hj Mohd Zuki, Panglima Mk Latihan dan Yang Berbahagia Datin,

Mejar Jeneral Dato' Pahlawan Zulkifli bin Mansor, Assisten Panglima Pasukan Simpanan dan Yang Berbahagia Datin,

Mejar Jeneral Datuk Mazelan bin Kasap, Ketua Staf dan Yang Berbahagia Datin,

Brig Jen Dato' Zulkapri Bin Rahamat, Pengarah Pengurusan Latihan dan Yang Berbahagia Datin,

Brigedier Jeneral Zakaria Bin Yadi, Panglima Briged Keenam Infantri Malaysia dan Isteri

Yang DiHormati SAC Dato' Zull Aznam Bin Haron, Ketua Polis Perlis;

Yang Berbahagia Brig. Jen. Hasagaya Bin Abdullah, Panglima 30 Briged Infantri;

Yang Berbahagia Assistan Komisioner Polis (ACP/KS) Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Komandan Kor SUKSIS UniMAP;

Yang Berusaha Mejar Prof. Madya Dr. Zaliman Bin Sauli, Timbalan Komandan PALAPES UniMAP,

Yang Berusaha Mejar Sukri Bin Bakar, Ketua Jurulatih PALAPES UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Dekan-Dekan, Ketua-Ketua Jabatan UniMAP,

Pegawai-Pegawai Staf dan Pegawai Tetap,

Pegawai-pegawai muda PALAPES DAN SUKSIS yang baru ditauliahkan,

Para jurulatih, Rakan-rakan media serta hadirin dan hadirat sekalian.

Kata-Kata Aluan

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan tetamu tentera dan awam, kerana telah sudi melapangkan diri, meluangkan sedikit masa untuk hadir ke majlis ini bersama DYTMM Tuanku Canselor dan DYTMM Tuanku Pro Canselor UniMAP. Kehadiran Dato', Datin serta tuan, puan sekalian sudah pasti menguntum bahagia, menambah seri majlis kami di malam indah ini.
2. Makan malam rejimental kita lalui ketika ini sarat dengan ritual yang bertujuan memperkukuh adat resam dan budaya pasukan keselamatan yang disanjung tinggi. Biar hari silih berganti, biar masa berganti masa, namun bagi sesebuah universiti, hari ini jua yang kita nanti-nantikan. Inilah detiknya PALAPES dan SUKISIS mempamerkan rasa gahnya tersendiri kerana dapat membantu melahirkan insan kamil, yang Insya-Allah, akan berguna kepada agama, diri, ibu bapa, keluarga, bangsa, negara dan dunia seluruhnya.
3. Pada malam ini kita sama-sama bertuah kerana kita dapat melaksanakan majlis makan malam ini yang diserikan lagi dengan keberangkatan DYTMM Tuanku berdua bercemar duli untuk meraikan pelajar-pelajar UniMAP yang telah ditauliahkan sebagai pegawai muda dalam Kor Rejimen Askar Wataniah di Universiti Pendidikan Sultan Idris [UPSII] pada **23 Ogos 2014** dan Inspektor dalam Polis DiRaja Malaysia di Universiti Teknologi Mara [UiTM] pada **24 Ogos 2014** yang lalu.
4. Selain itu, majlis ini merupakan satu penghargaan khas daripada universiti di atas sumbangan dan keringat yang telah diberikan selama tiga tahun berada di UniMAP sebagai pegawai kadet. Sesungguhnya pegawai muda PALAPES yang dilahirkan di UniMAP ini merupakan pegawai muda **ketujuh** dan mereka inilah yang akan mencorak dan mengukir nama UniMAP ke Rejimen Siri 500 Askar Wataniah apabila tamat pengajian di UniMAP nanti.
5. Dalam Istiadat Pentaulihan DiRaja Kadet PALAPES IPTA yang lalu, saya bersyukur kehadiran Allah (S.W.T) dan amat berbangga apabila tahun ini UniMAP mencatat sejarah tersendiri apabila melahirkan jumlah pegawai kadet yang paling ramai ditauliahkan sepanjang penubuhan 7 tahun yang lalu iaitu seramai

115 orang pegawai muda terdiri daripada **49 orang** pelajar ijazah sarjana muda dan **66 orang** pelajar diploma mampu untuk menamatkan latihan dan seterusnya ditauliahkan dalam Rejimen Askar Wataniah. Manakala dalam Majlis Tamat Latihan SUKSIS pula, UniMAP melahirkan 49 orang pelajar ijazah sarjana muda yang menerima sijil sebagai Inspektor Sukarela dalam pasukan Police Volunteer Reserve atau PVR tahun ini.

Data kebolehpasaran Pegawai Muda PALAPES/SUKSIS

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pegawai muda yang telah ditauliahkan kerana berjaya menyempurnakan perjalanan panjang yang penuh liku dan cabaran selama bergelar pegawai kadet meskipun perjuangan hidup sebenar baru bermula bagi mereka yang baru mengecapi alam pekerjaan.
7. Meskipun bergelar pegawai kadet, namun anak-anak didik saya ini telah membuktikan kemampuan untuk menjalani latihan seiring dengan pelajaran. Hasilnya daripada keseluruhan jumlah pegawai kadet Palapes yang ditauliahkan malam ini, berdasarkan data yang dikumpulkan, daripada **115 orang** pegawai muda yang ditauliahkan pada Ogos lalu, sebanyak **9 orang iaitu (7.8%)** telah diterima bekerja oleh pelbagai syarikat multinasional, syarikat setempat dan agensi kerajaan.
8. Sementara itu sebanyak **90 orang atau (78.3%)** menyambungkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang masing-masing serta sebanyak **16 orang atau (13.9%)** memilih untuk menceburi bidang perniagaan. Sukacita saya maklumkan bahawa data kebolehpasaran siswazah ini merupakan suatu pencapaian yang boleh dibanggakan berbanding tahun-tahun sebelum ini.
9. Begitu juga dengan anak-anak pegawai Kor Suksis, daripada keseluruhan 49 pegawai, 34 darinya masih berada di tahun akhir pengajian masing-masing

manakala baki 15 pegawai telah bergraduasi pada konvokesyen UniMAP ke 9 yang lalu. Alhamdulillah, daripada 15 orang pegawai yang telah berijazah ini, 40% telah mendapat pekerjaan manakala bakinya menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi serta menjalani latihan lanjutan industri.

10. Data yang dikemukakan sebentar tadi menjadi bukti bahawa Kolaborasi diantara Akademik dan Kokurikulum Beruniform (Ketenteraan/Kepolisan) telah diterima baik oleh industri di dalam negara dan pada masa sama melepasi piawai antarabangsa apabila terdapat sebahagian kecil yang diterima menyambungkan pengajian di universiti antarabangsa di serata dunia.
11. Harapan saya semoga anak-anak Pegawai Muda sekalian dapat memanfaatkan segala ilmu yang ditimba sepanjang 3 tahun untuk membangunkan kerjaya yang cemerlang; membantu ibu bapa yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga; dan memajukan negara sehingga berupaya berdaya saing di semua peringkat dan lapangan sepanjang masa.

Saudara Saudari Pewaris Generasi Bangsa,

12. Melahirkan Wira dan Wirawati yang berketerampilan tinggi bukan sahaja bergantung kepada keupayaan akademik semata-mata, tetapi ia juga saling berkait rapat dengan pelbagai faktor lain.
13. Antaranya ialah pembentukan sahsiah diri yang baik, tahap disiplin dan nilai-nilai murni yang tinggi, mempunyai keterampilan diri yang unggul dan sikap kepimpinan yang terpuji. Inilah di antara ciri yang perlu dipupuk, disemai dan disemadikan dalam sanubari pegawai muda semua bagi melahirkan seorang pegawai tentera serta graduan yang bukan sahaja berkualiti, bahkan mampu menjadi aset yang berguna kepada agama, bangsa dan negara, sesuai dengan Tema Sambutan Kemerdekaan Ke-57 iaitu "Disini Lahirnya Sebuah Cinta".
14. Bagi pegawai dan jurulatih, saya menyeru agar saudara sentiasa memantau segala perkembangan persekitaran dengan lebih dekat dan mencari kaedah terbaik demi meningkatkan keberkesanan organisasi. Jangan takut mengambil

risiko atau *calculated risk* dan sentiasa berfikiran di luar kotak kerana ia jelas akan memberikan hasil positif kepada organisasi. Saya juga menyeru para pegawai dan jurulatih untuk tidak gentar membuat perubahan atau membuat keputusan sekiranya ia memberikan manfaat yang baik. Saya menyeru kepada semua pemimpin dan lapisan dalam pasukan untuk mengamalkan pendekatan bekerja untuk organisasi dan bukan untuk individu kerana pendekatan ini akan mendewasakan kita serta dapat memacu ke landasan yang kukuh dan legasi yang membanggakan.

15. Hasrat dan keinginan saya adalah untuk melihat pelaksanaan **Strategi Laut Biru** (Blue Ocean Strategy) yang perlu diterap dan digarapkan dalam semua urusan di universiti amnya atau badan- badan beruniform khasnya akhirnya dapat direalisasikan pada malam ini dengan perkongsian adat resam dalam penganjuran majlis makan malam rejimental PALAPES dan SUKSIS. Kita bagi satu tepukan yang gemuruh kepada semua jawatankuasa yang terlibat dalam merealisasikan hasrat murni ini.
16. Saya berharap dibawah kepimpinan Timbalan Komandan iaitu **Mejar Prof. Dr. Zaliman Sauli**, merangkap Pengarah Ko-Kurikulum mampu untuk melaksanakan lebih banyak konsep **Strategi Laut Biru** dalam Ko-Kurikulum sejajar dengan hasrat UniMAP kearah **500** Universiti Terbaik Dunia menjelang Tahun **2020**.
17. Seperingatan ingin saya tujukan kepada semua Pegawai Muda yang berada dihadapan saya ini walau apa pun cabaran-cabaran yang mendatang ianya perlu terus dihadapi dengan hati yang utuh dan juga semangat juang yang kental, takkan pernah luntur walau dicabar dengan halilintar dan juga gelora ganas samudera. Berpeganglah pada kata-kata, “ **without the darkness, a star will not born. Never fear of our shadow, because shadows only means a light shining somewhere nearby.**” Akhir kata, selamat maju jaya dan semoga anak-anak pegawai muda di hadapan saya ini akan terus menjadi insan yang berguna untuk agama, bangsa dan negara.

Ampun Tuanku.

Disediakan Oleh Lt. Azuan (Palapes) Disemak oleh Suhana (Unit Media)

Sekian sahaja ucapan patik. Patik ingin merafak sembah, menjujung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua atas perkenan berangkat ke Majlis Makan Malam Rejimental PALAPES dan SUKSIS UniMAP yang sarat dengan sejarah ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.